



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
2 OKTOBER 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - Selangor Bangun Program Pantau Sungai Utama | 67 |
| - Dasar Baru Kitar Semula Plastik Dicadang 2020 | 29 |

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - Kuala Lumpur Miliki Sungai Bersih, Cantik Tahun Depan | 18 |
| - Pantau Sungai Tercemar | 29 |

The Star

- | | |
|--|---|
| - Unable To Return To Sender | 4 |
| - Total Plan To Handle Plastic Waste Much Needed | |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
2 OKTOBER 2019 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Selangor Bangun Program Pantau Sungai Utama
Muka Surat	67

Sentral

Susulan pencemaran bau di LRA Semenyih BH 02/10/19 m/s 67

Selangor bangun program pantau sungai utama

Kerjasama dengan Smart Selangor elak pencemaran berulang

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan Selangor sedang membangunkan satu program untuk memantau sungai utama yang mempunyai kapasiti atau peluang pencemaran yang besar di negeri itu.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata program yang dibangunkan bersama Smart Selangor itu bakal memastikan pencemaran sungai yang turut menyebabkan henti tugas loji rawatan air (LRA), dapat dihalang.

"Pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Semenyih pada Sabtu lalu sudah ditangani dan saya rasa kita perlu mengambil langkah pencegahan serta pemantauan untuk memastikan ia tidak berlaku lagi.

"Justeru, kita kini sedang bina satu program dengan Smart Selangor untuk memantau sungai utama yang mempunyai kapasiti atau peluang pencemaran yang besar," katanya selepas merasmikan Konvensyen Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Dewan Syarahan dan



Amirudin mendengar penerangan Penyelia Kanan Bahagian Pendidikan Islam JAIS, Yuszaimi Musilil (kanan) ketika melawat pameran pada Konvensyen Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam JAIS di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, di Shah Alam, semalam.

Muzakarah Islam, semalam.

Katanya, sukar untuk menangkap pelaku yang membuang sisa tercemar ke dalam sungai dan pemantauan dilakukan apabila berlaku pencemaran.

Katanya, seperti kes pencemaran di Sungai Semenyih, sisa tercemar itu dikesan datang dari satu kemudahan milik Indah Water Konsortium (IWK) malah sehari sebelum kejadian, sebuah lori ditahan kerana membuang sisa kumbahan di sungai berdekatan.

"Kita sukar mengawal serta menangkap pelaku kerana banyak kilang dan kedai di kawasan berkenaan," katanya.

Sabtu lalu, BH Online melaporkan, 372,031 pemegang akaun di 204 kawasan di Selangor terjejas bekalan air apabila operasi LRA Sungai Semenyih terpaksa dihentikan susulan pencemaran bau dikesan di sumber air mentah di Sungai Semenyih.

Pencemaran berpunca dari

Loji Rawatan Kumbahan di Bandar Bukit Mahkota itu menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual di empat daerah iaitu Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menerusi satu kenyataan berkata, pencemaran bau dengan bacaan lima ton itu adalah kejadian kali keempat pada tahun ini yang menyebabkan loji utama terpaksa dihentikan daripada beroperasi.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
2 OKTOBER 2019 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Dasar Baru Kitar Semula Plastik Dicadang 2020
Muka Surat	29

BH 02/10/19 ms 29
Dasar baharu kitar semula plastik dicadang 2020

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memperkenalkan dasar baharu mengenai kitar semula plastik dan pengimportan bahan berke-
naan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata KPKT ketika ini sedang mengkaji dan memperhalusi dasar itu sebelum dijangka melancarkannya seawal tahun depan.

Beliau berkata, dasar itu akan dirangka dengan lebih komprehensif dan akan turut mengambil input daripada kertas putih Industri Kitar Semula Plastik Malaysia, supaya boleh menghasilkan garis panduan yang lebih padu dan menyeluruh untuk memperkasakan industri plastik tempatan.

"Selain kitar semula, dasar ini juga akan merangkumi syarat-syarat berkaitan pengimportan plastik seperti kaedah pengurusan. Ia perlu melihat bagaimana kilang memproses plastik dan kemudian mengeksport ke negara

lain.

"Industri plastik bernilai AS\$600 bilion pada peringkat dunia dan saya mahu Malaysia untuk mengambil peluang potensi ini kerana negara maju tidak sepenuhnya memberi tumpuan kepada industri ini.

"Jika ia dikendalikan dengan baik dan sempurna, serta disokong penguatkuasaan yang tegas, ia akan menjadi industri yang maju dan moden selain tidak membahayakan alam sekitar," katanya pada sidang media selepas pelancaran kertas putih itu di Petaling Jaya, semalam.

Yang turut hadir, Naib Presiden Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia (MPMA), CC Cheah.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, dasar itu tidak akan disatukan dengan Dasar Kebersihan Negara kerana terdapat keperluan untuk membuat satu dasar yang lebih jelas dan lengkap, termasuk mewujudkan akta berkaitan plastik.

Dalam pada itu Zuraida ber-

kata, kementerian bercadang melaksanakan pengasingan sampah mengikut kategori di kawasan perumahan pada tahun depan.

"Kita mengarahkan syarikat konsesi seperti Alam Flora Sdn Bhd, SWM Management Sdn Bhd dan E-Idaman Sdn Bhd yang menguruskan sisa pepejal di tujuh negeri untuk mengenal pasti kawasan perumahan yang dirasakan sesuai untuk memulakan program pengasingan ini.

"Mereka juga perlu menyediakan infrastruktur dan peralatan sokongan seperti tong sampah dan plastik untuk tujuan pengasingan sampah ini," katanya.

Sementara itu Cheah berkata, industri kitar semula plastik di Malaysia kini dianggarkan bernilai RM4.5 bilion setahun.

"Industri ini mampu berkembang dan menjana sehingga RM20 bilion setahun jika diberi sokongan daripada kerajaan, termasuk pelaburan dalam teknologi lebih baik, infrastruktur dan naik taraf kapasiti," katanya.



Zuraida menerima buku daripada Cheah ketika majlis pelancaran kertas putih Industri Kitar Semula Plastik Malaysia di Petaling Jaya, semalam.

(Foto Aziah Azmee/BH)



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
2 OKTOBER 2019 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kuala Lumpur Miliki Sungai Bersih, Cantik Tahun Depan
Muka Surat	18

SH 02/10/19 m/s 18

LAPORAN: ANITA ABU HASAN, AHMAD ISMADI, RAZIATUL HANUM A. RAJAK, AZLINA OTHMAN dan SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

Kuala Lumpur miliki sungai bersih, cantik tahun depan

KUALA LUMPUR - Kuala Lumpur dijangka memiliki sungai bersih dan cantik selepas Projek Sungai Nadi Kehidupan atau lebih dikenali sebagai River of Life (RoL) di Sungai Klang di sini siap sepenuhnya tahun depan.

Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Pembangunan Kementerian Wilayah Persekutuan, Rosidawati Abdul Rashid berkata, sehingga Mei 2019, pembangunan fizikal keseluruhan RoL telah mencapai 88 peratus berbanding jadualnya, 89 peratus.

"Projek dijadualkan siap menjelang Disember 2020 telah diagihkan kepada 85 pakej dengan 60 daripadanya telah siap," katanya.

Menurut Rosidawati, hanya projek Sewerage Treatment Plant (STP) Batu di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) mengalami kelewatan berbanding jadual asal. Ia kini di bawah perhatian ke-



Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mencemar duli melawat River of Life dekat Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur baru-baru ini.

menterian berkenaan untuk langkah-langkah pemulihan.

"Terdapat dua komponen utama bagi Projek RoL iaitu Komponen Pembersihan Sungai

dan Komponen Pengindahan Sungai. Komponen Pembersihan Sungai telah mencapai 89 peratus berbanding jadual 90 peratus manakala Komponen Pengindahan

Sungai telah mencapai 84 peratus mengikut jadual," katanya.

Jelas Rosidawati, projek RoL dilaksanakan bagi mentransformasikan Lembangan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi tinggi.

"Jadi pelaksanaan RoL adalah untuk memastikan sungai yang mengalami pencemaran kelas tiga, dinaikkan kualiti airnya kepada kelas dua.

"Sementara sasaran Projek RoL adalah mencapai Indeks Kualiti Air 76.5 (Kelas II) pada ketika ini. Indeks Kualiti Air adalah 60.3 (Kelas III) dan ini merupakan satu peningkatan baik di mana Indeks Kualiti Air pada tahun 2010 adalah 54.0 (Kelas III)," katanya.

Katanya, seiring objektif utama projek RoL untuk meningkatkan kualiti air di sepanjang 10.7 kilometer Sungai Klang dan Sungai Gombak menjelang tahun 2020, maka dari aspek pembersihan sebanyak 200 tan sampah

sudah berjaya dibuang dengan purata 127 tan setahun dari Disember 2017 hingga Mei 2019 dengan melibatkan anggaran kos RM16.5 juta setahun.

Beliau berkata, kerja-kerja pembersihan sungai dilaksanakan di sepanjang 110 km di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor melibatkan lapan batang sungai iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Kerayong, Sungai Ampang dan Sungai Bunus.

"Projek ini dilaksanakan melalui 13 inisiatif utama seperti pemasangan perangkap sampah, menaik taraf kolam takungan banjir, menaik taraf loji rawatan pembetungan dan menaik taraf sistem pembetungan," katanya.

Rosidawati berkata, komponen pengindahan sungai pula melibatkan menaik taraf taman awam, fasiliti laluan pejalan kaki dan basikal di pinggiran Sungai Klang dan Sungai Gombak sepanjang 10km.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
2 OKTOBER 2019 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pantau Sungai Tercemar
Muka Surat	29

SH 02/10/19 m/s 29

Pantau sungai tercemar

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan mewujudkan perisian program bersama Smart Selangor bagi memantau sungai-sungai utama di negeri ini yang berpotensi tercemar dalam skala besar.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, beliau juga sedang mengatur satu pertemuan dengan pihak berkaitan untuk membincangkan mengenai aspek perundangan dan langkah-langkah pemantauan sungai-sungai utama di Selangor.

"Saya masih ingat sehari sebelum (kejadian pencemaran) kita menahan sebuah lori yang membuang sisa kumbahan ke dalam Sungai Semenyih.

"Namun bagi beberapa kejadian sebelum ini ia melibatkan sistem 'main hole' daripada Indah Water Konsortium (IWK) dan kita sukar untuk ambil tindakan kerana sepanjang (lalu) itu banyak kilang dan kedai di mana kita sendiri tak tahu siapa yang bertanggungjawab," katanya selepas Konvensyen Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Masjid Negeri Shah Alam di sini semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
2 OKTOBER 2019 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Unable To Return To Sender
Muka Surat	4

Reports by WANI MUTHIAH, IMRAN HILMY and MENG YEW CHOONG

The Star 02/10/19 m/s 4

Unable to return to sender

Over 200 containers with illegal waste still stuck at M'sian ports

KLANG: A huge number of containers with waste material is stuck in various ports in Malaysia as they have nowhere to go.

These containers are carrying waste material that Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin, in April, ordered to be sent back to the country of origin after they were found stashed in illegal recycling factories.

According to an industry source, the containers are stuck at the port because the senders from the country of origin cannot be traced.

"To make matters worse, the party that imported the material and received them in Malaysia also mostly cannot be found," he said.

This has made it difficult to trace the overseas freight forwarder or recycler the party had obtained the waste material from.

"This is most probably because some of the illegal recycling factories in Malaysia were managed and run by foreigners who left the country after their premises were busted recently," said the source.

Even when the parties from the country of origin have been located, most refuse to cooperate as they have no legal obligation to collabo-

rate with Malaysia and receive the returned trash.

"Most of the material stuck in containers is recyclable.

"It would be cheaper to just recycle them instead of sending them back. If the Malaysian government commits to paying the freight forwarders, in the event owners of the waste material are located, the cost is going to be very high," said the source.

Besides knowing where to send the waste to, freight forwarding companies tasked to return the material to the countries of origin must also know who is going to pay their bill.

"Has the Malaysian government allocated funds to send the containers back?" asked the source.

On Sept 28, Yeo made it clear that the Federal Government would not spend a single sen to send illegal waste-filled containers back to the countries of origin.

"It's not just about the cost; it's about dignity. Why do they send things to us and we still need to pay them to send it back?" she said.

She insisted that the senders must be responsible for paying the fines for importing illegal waste until "they have collected back

their waste".

Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry deputy secretary-general Dr K Nagulendran was quoted in *The Star* last month as saying that there were over 200 containers of plastic waste imports waiting to be sent back to their countries of origin, and nearly all of these containers do not have approved permits (APs).

He also said that the challenge was in identifying the country of origin as many of the containers had been abandoned by unscrupulous recyclers.

Sahabat Alam Malaysia research officer Mageswari Sangralingam said Malaysia was in a quagmire now because the government was not able to stringently enforce regulations nor control the type of waste being imported into the country.

"Unscrupulous exporters and middlemen will find loopholes and our communities and the environment are the ones burdened with the pollution," said Mageswari.

That is why her organisation has been calling for the government not to issue any more APs to import plastic waste and step up enforcement measures.

"We are not a dumping ground."

"If other countries like Cambodia, Indonesia can send back the waste, Malaysia should be able to identify the exporters as well as importers and send the waste back," said Mageswari.

Meanwhile, the logistics industry has become cautious when foreign parties seek to send waste material to Malaysia.

"We ask the sending party to furnish full information of the receiving party in Malaysia and will only carry out the shipment once we have contacted them (the receiving party) and have ascertained that they are a legitimate business," said a source from a logistics and shipping company of international standing.

He said the containers of waste material languishing at the ports must have been sent quite some time ago when shipping and logistics agents were not as cautious as they are now in regard to shipment of waste.

"That is why," he added, "the senders cannot be traced".

"If it was being sent now, we would be having full details of both parties and would have also checked them out," he said.



Nowhere to go: A file photo showing containers with plastic waste being opened and displayed to the media at the Customs enforcement department store in Bagan Jermal, Butterworth in May.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
2 OKTOBER 2019 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Total Plan To Handle Plastic Waste Much Needed
Muka Surat	4

The Star 02/10/19 m/s4

'Total plan to handle plastic waste much needed'

PETALING JAYA: The slew of negative publicity of late on the recycling industry has put the authorised plastics recycling industry in a bad light, says the Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA) and its counterpart, the Malaysia Plastics Recyclers Association (MPRA).

"It has portrayed Malaysia as a dumping ground for waste from developed countries, but what we are seeing are symptoms of waste smuggled in by illegal recyclers," said MPMA vice-president C.C. Cheah.

Speaking at the launch of a white paper on the Malaysian plastics recycling industry here yesterday, Cheah said without a comprehensive framework to govern the entire industry, no amount of public clean-ups would stop pollution if resources, recyclable or otherwise, continued to be mismanaged.

The white paper, he said, came about following the recent negative publicity which affected the image of the country and the industry.

"Hence, we have taken a step forward in the recovery of value from plastic waste by publishing a white paper on the recycling industry," he said as he presented a copy of the report to Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin here.

Titled "An Advanced Plastics Recycling Industry for Malaysia", the paper is jointly published by MPMA and MPRA, and in collaboration with Monash University Malaysia.

Taking nearly two months to be written, the paper stated that Malaysia must move into an era characterised by a modern plastic recycling industry to maximise resource recovery and reduce pollution so that the country could enter a genuine state of circular economy.

A circular economy is an economic system that aims to eliminate waste and continuously use resources for as long as possible.

Moving forward, Cheah said Malaysia must have a comprehensive look at the life cycle of plastics, from the design stage all the way to (resource) reduction, recycling and proper disposal at the end of life.

"An advanced plastic recycling industry will support an overall effective waste management system, and the industry alone cannot do it," said Cheah, adding that there should be multiple collaborations between stakeholders such as MPRA, the government, local councils, waste contractors and so on.

He added that the plastic recycling industry had already contributed RM4.5bil to the Malaysian economy, and there was further opportunity for growth when more waste plastic was recovered as a resource that helped catalyse the development of a circular economy.

Transitioning to a circular economy would help Malaysia gain in resource efficiency, as well as create jobs and grow the economy, said Prof Pervaiz K. Ahmed, deputy head of research from Monash University Malaysia's School of Business.

"Smart policies send strong signals to create longer term predictability for investment and encouraging the development of new markets which are important drivers of the circular economy," he said.

The white paper can be downloaded from mpma.org.my/v4/wp-content/uploads/2019/09/White-Paper-FINALR.pdf